



Ruj. Tuan :

Ruj. Kami : ANM.PHG.600-15/2/15 (50)

Tarikh : 20 Mei 2022

**SURAT PERINGATAN PERTAMA**

**Senarai Edaran**  
**( Seperti di Lampiran A dan Lampiran B)**

Y.Bhg. Dato'/Tuan/Puan,

**PENGHANTARAN SIJIL PENGESAHAN BAKI AKAUN DEPOSIT**

Dengan segala hormatnya, saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa, merujuk kepada para 9.1.3 Lampiran A: Pelaporan Akaun Deposit (**Surat Pekeliling Akauntan Negara Malaysia (SPANM) Bilangan 4 tahun 2019**), PTJ hendaklah menyemak dan mengesahkan maklumat dalam laporan adalah tepat dan betul. Pengesahan hendaklah dilakukan dengan melengkapkan **Sijil Pengesahan Baki** dan mengemukakan kepada AO selewat-lewatnya pada **14 haribulan bulan berikutnya**.

3. Berdasarkan kepada arahan tersebut, semakan JANM Pahang mendapati masih terdapat PTJ yang belum mengemukakan Pengesahan Baki Akaun Deposit sehingga bulan April 2022 seperti di **Lampiran A dan Lampiran B**. Bersama-sama ini dilampirkan status penerimaan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit bagi jabatan-jabatan di bawah seliaan JANM Pahang sehingga **bulan April 2022**.

4. Sehubungan dengan itu, sila kemukakan Sijil Pengesahan Baki Akaun Deposit kepada JANM Pahang dengan **kadar segera**. Tindakan semakan dan pengesahan laporan oleh PTJ adalah penting bagi memastikan Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan disediakan dengan lengkap dan tepat.

5. Kerjasama dan tindakan **SEGERA** adalah diperlukan bagi penerimaan Sijil Pengesahan Baki Deposit yang berstatus **TH (Tidak Hantar) dan K (Kuri)**. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila berhubung terus dengan Puan Fatimah binti Sahak di talian 09-5915026.

Sekian, terima kasih.

**"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"**

Saya yang menandatangani amanah,

**(BURHANUDIN BIN MOHD NOOR (C.A.M))**

Pengarah  
Jabatan Akauntan Negara Malaysia  
Negeri Pahang